

Tuhan membukakan hati umat Islam, menginsafkan umat Islam bahawa tiap-tiap umat Islam hari ini sudah bertanggungjawab kepada Tuhan untuk menegakkan kalimah Tuhan di mana mereka berada dan mudah-mudahan keinsafan itu mendalam. Dengan memberi keinsafan umat secara ini maka kita percaya bahawa tidak berapa lama lagi di Semenanjung Tanah Melayu ini akan timbul mujahid-mujahid yang akan bekerja siang dan malam untuk menegakkan kalimah Tuhan! Marilah kita berdoa mudah-mudahan Tuhan memberi taufik dan hidayah kepada kita bersama supaya umat Islam insaf – Amin - Amin.

Semata-mata di Indonesia

Terbit daripada berita-berita yang tersiar kononnya untuk menghadapi sesuatu suasana di Indonesia sekarang maka Presiden Sukarno telah membentuk sebuah “Dewan Revolutioner” yang mentadbirkan suatu pemerintahan di Indonesia yang dimaklumi sebagai suatu pemerintahan diktator. Hal yang demikian ini adalah suatu hal yang memang telah dijangka harus akan dibuat oleh Presiden Sukarno yang ditujukan bukannya untuk melaksanakan suatu program kebaikan persatuan negara Indonesia tetapi terang dan nyata bahawa langkah-langkah yang dibuat itu tidak lain dan tidak bukan untuk menyampaikan segala cita-citanya yang disalurkan mengikut saluran yang ditajanya di dalam Parti Nasional Indonesia (P.N.I.) yang telah menjadi penggalang cita-cita pancasila yang dipegang dan dipertahankan oleh Presiden itu sendiri.

Dalam kejadian-kejadian yang telah berlaku pada masa-masa yang lampau terang dan jelas tatkala menegakkan pancasila itu ia mengemukakan bahawa pancasila itu sahajalah yang mesti dipertahankan dan kerana itu ia selalu mencabar umat Islam

yang menjadi tulang punggung pengabdian di Indonesia itu dalam cita-cita mereka untuk menegakkan negara Islam.

Pada masa kebangkitan dahulu, dalam masa melawan penjajahan, persatuan umat di Indonesia adalah kuat dan tiang perjuangan menghapuskan penjajahan Belanda itu di sana sini hidup semangat takbir, semangat perjuangan umat Islam. Tetapi apabila kemerdekaan telah tercapai maka sila yang lima itulah yang ditaja oleh Presiden dan bekas-bekas pejuang umat Islam banyak yang ketepi atau yang diketepikan oleh Parti Nasional dan dalam ketenteraan timbullah bekas-bekas tentera yang memihak Belanda dari satu ke satu masa kemuka atau dikemukakan untuk menduduki tempat-tempat tentera yang ada sekarang.

Bagaimana umat Islam? Ini menjadi tanda tanya dan banyak penderitaan-penderitaan yang dirasa mereka, kepahitan-kepahitan hidup yang diderita mereka oleh kerana seolah-olah habis manis sepah dibuang dihadapkan kepada mereka itu. Namun demikian mereka terus berjuang dan terus memperjuangkan kewajipan mereka bukan kepada Presiden Sukarno tetapi kepada Tuhan untuk menyampaikan kehendak Tuhan supaya berlaku hukum-hukum Tuhan di serata Negara Indonesia. Begitulah tekad dan tugas, begitulah khidmat umat Islam di Indonesia. Kartosuwiryo, imam *Dār al-Islām* di Jawa Barat yang dahulunya menjadi anggota “Parti Syarikat Islam Indonesia” tatkala telah dapat bersama-sama menghalau penjajah telah melihat riak yang dibawa oleh pimpinan Sukarno dan kawan-kawannya dan melihat bahawa gerak geri itu kalau dibiarkan sudah terang akan bertujuan menghapuskan cita-cita atau tanggungjawab umat Islam kepada Tuhannya dan kerana itulah maka ia menghilangkan diri dengan suatu keyakinan bahawa Negara Islam Indonesia tidak akan terdiri selagi Sukarno masih menjadi pemimpinnya dan kerana itulah

ia berkeyakinan bahawa dengan darahlah negara Islam dapat didirikan di Indonesia.

Masa berjalan. Umat Islam disakitkan hati mereka, umat Islam dianaktirikan dan begitulah seterusnya. Umat Islam diperkosa. Maka timbullah kebangkitan-kebangkitan di Sulawesi yang di bawah pimpinan Kahar Muzakkar yang berikutan pula dengan kejadian-kejadian dahsyat yang dipimpin oleh ulama Indonesia terkenal Teuku Daud Bereueh, kerana merasa bahawa dari suatu ke suatu masa umat Islam diketepikan dan disingkirkan. Kepada semua kejayaan-kejayaan itu, berakibat daripada langkah-langkah yang diambil oleh beberapa orang pemimpin-pemimpin Islam yang memandang bahawa di Indonesia tidak dapat dilaksanakan negara Islam melainkan dengan bermandikan darah oleh sebab mereka mengetahui sifat-sifat yang akan terjadi dan dilakukan oleh puak kebangsaan yang di dalamnya banyak terhimpun orang-orang *free thinker* atau tidak beragama itu maka banyak pemimpin-pemimpin Islam yang di luar lingkungan itu dan banyak ulama-ulama yang disyaki lalu ditangkap dan dikurung bukannya sebulan tetapi bertahun-tahun dengan kaedah-kaedah seperti yang dilakukan oleh penjajahan Belanda dahulu. Benar sungguh seperti kata Tuan Muhammad Yamin bahawa pemerintahan Indonesia sekarang lebih daripada penjajahan-penjajahan kolonial Belanda dahulu.

Sekarang kekuasaan akan diambil oleh Presiden Sukarno sebagai diktator (semenjak dari dahulu lagi sebenarnya sifat Sukarno itu lebih hampir kepada cara-cara diktator. Apa jua yang dibuat olehnya tidak boleh diganggu gugat - ertinya tidak boleh diusik. Ia berhak berbuat sekehendaknya dengan tidak boleh dibantah. Apa yang hendak diucapkannya tidak lagi diminta pertanggungjawabnya dari Jemaah Menteri- semuanya dibuatnya sekalipun merosakkan program Jemaah Menteri itu. Semuanya menunjukkan bahawa sifat diktator itu sudah berjalan, hanya berterang-terang belum lagi) ertinya ini

kepada umat Islam Indonesia tidak lain tidak bukan suatu bahaya telah sampai di pintu rumah mereka; dan dengan kekuasaan diktator seseorang akan ditangkap dengan tidak ada usul periksa. Maka harus dari suatu kesuatu masa ulama-ulama Islam yang tidak mahu menyokong pendirian atau tidak mengaminkan apa sahaja dikatakannya, maka awas mereka akan menerima hukuman dengan tidak dibicarakan lagi. Sedangkan di dalam keadaan-keadaan seperti beberapa bulan yang lalu yang di dalamnya masih ada, dikatakan. Pemerintahan demokrasi, yang batil masih dipertahankan kerana ia teman, yang *corruption* masih ditegakkan kerana ia sahabat, dan orang yang mendirikan kebenaran ditangkap dengan sewenang-wenangnya seperti yang telah dilakukan kepada Tuan Mochtar Lubis yang telah membuka segala keburukkan yang dilakukan pemimpin-pemimpin yang disayangi Presiden sedang umat Indonesia menderita, menderita dan menderita.

Kita berharap bahawa umat Islam Indonesia khususnya Masyumi yang sentiasa menunjukkan dan berani menunjukkan kebenaran dan berani berterus terang dalam langkah-langkahnya patut memerhatikannya dan beringat-ingat. Apabila diktator akan berdiri di negara Indonesia, ertinya tali gantung akan terletak dileher pemimpin-pemimpin Islam yang berani menegakkan kebenaran itu. Riwayat *Ikhwān al-Muslimīn* di Mesir, harus pada pandangan kita, akan berlaku di Indonesia sekiranya umat Indonesia membenarkan Presiden Sukarno menjadi diktator. Ini adalah menjadi suatu bahaya kepada mereka, dan ini adalah suatu peringatan kepada umat Islam Indonesia dalam kewajiban mereka menegakkan kalimah Tuhan. Mudah-mudahan Tuhan akan memperlindungi mereka dan Tuhan akan menunjukkan yang benar itu benar dan yang hak itu tetap hak, dan disampaikan Tuhan cita-cita umat Islam menegakkan *baladatum tayyibatun wa rabbun ghafūr* sekalipun kalau terpaksa bermandikan darah-Amin.